



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya,
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN



☎ 605-5297444
🌐 <http://www.bomba.gov.my>
✉ pro_prk@bomba.gov.my

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: JBPM/PK/KOR: 100-1/9 (56)
Tarikh: 4 Julai 2024

Pejabat Pengarah
Semua Penolong Pengarah Bahagian
Semua Ketua Zon
Semua Ketua Balai

Tuan/Puan,

ARAHAN PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI MENGGUNAKAN PENDEKATAN KONSEP “ABCD” DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan surat daripada daripada Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia JBPM/IP/KOR: 100-1/9 Jld.5 (3) bertarikh 21 Jun 2024 yang jelas menerangkan maksudnya.

3. Dipohon kerjasama Tuan/Puan untuk mewar-warkan perkara ini kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah jagaan masing-masing.

Kerjasama dan perhatian Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON, PMP., AMK.)
Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Perak.

‘CEPAT DAN MESRA’



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016



KETUA PENGARAH
Director General

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire and Rescue Department Malaysia
Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA



<https://www.bomba.gov.my>
kp@bomba.gov.my

Ruj. tuan:
Ruj. kami:JBPM/IP/KOR:100-
1/9 Jld. 5 (3)
Tarikh: 21 Jun 2024



"SEPERTI SENARAI EDARAN"

YS Dato'/ Datuk/ Datu/ Tuan/ Puan,

ARAHAN PEMBUDAYAAN NILAI-NILAI MURNI MENGGUNAKAN PENDEKATAN KONSEP "ABCD" DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menegaskan bahawa semua jabatan di bawah KPKT hendaklah mengambil pendekatan penerapan nilai-nilai murni yang selari dengan budaya masyarakat Malaysia dalam penyampaian perkhidmatan melalui konsep **"ABCD"** iaitu **A: Amanah, Adil dan Arif, B: Bersih dan Bela, C: Cekap, Cergas dan Cepat dan D: Disiplin.**

3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah memperhalusi konsep tersebut untuk disesuaikan dengan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang lebih berkesan dan berimpak tinggi seperti berikut:-

3.1 A: Amanah, Adil dan Arif

- i. **Amanah:** Amanah bermaksud memegang tanggungjawab dengan jujur dan berintegriti dalam pentadbiran dan pelaksanaan tugas. Bagi JBPM, amanah adalah asas dalam setiap tindakan dan semua Pegawai Bomba hendaklah melaksanakan tugas dengan kepercayaan yang tinggi, menjaga keselamatan dan harta benda rakyat tanpa mengira cabaran;
- ii. **Adil:** Adil bermaksud memberikan layanan yang saksama kepada semua orang. Dalam situasi kecemasan, Pegawai Bomba tidak boleh membezakan mangsa berdasarkan latar belakang. Semua individu diberi layanan dan bantuan yang sama rata;

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & ISO 37001:2016

- iii. **Arif:** Arif bermaksud bijaksana dan berpengetahuan. Pegawai Bomba perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai aspek keselamatan dan penyelamatan. Ini termasuklah menghadiri latihan berkala dan mengikut perkembangan teknologi terkini.

3.2 **B: Bersih dan Bela**

- i. **Bersih:** Bersih bukan sahaja merujuk kepada kebersihan fizikal tetapi juga kebersihan dari segi moral dan etika. JBPM perlu memastikan bahawa semua operasi dijalankan dengan penuh etika, menghindari sebarang bentuk rasuah atau penyalahgunaan kuasa;
- ii. **Bela:** Bela bermaksud melindungi dan mempertahankan. JBPM berdedikasi untuk melindungi nyawa dan harta benda rakyat Malaysia. Pegawai Bomba sentiasa siap sedia untuk bertindak balas terhadap sebarang situasi kecemasan dengan pantas dan efisien.

3.3 **C: Cekap, Cergas dan Cepat**

- i. **Cekap:** Cekap bermaksud kemampuan untuk menjalankan tugas dengan baik dan berkesan. JBPM perlu berusaha untuk memastikan semua Pegawai Bomba dilengkapi dengan latihan yang mencukupi dan peralatan yang sesuai untuk menangani sebarang situasi kecemasan;
- ii. **Cergas:** Cergas merujuk kepada keadaan fizikal dan mental yang baik. Pegawai Bomba perlu sentiasa berada dalam keadaan siap sedia, baik dari segi fizikal mahupun mental untuk menghadapi sebarang cabaran yang mendatang;
- iii. **Cepat:** Cepat bermaksud bertindak dengan pantas. Dalam keadaan kecemasan, setiap saat amat berharga. JBPM menekankan kepentingan tindak balas dalam semua operasi penyelamatan dan pemadaman kebakaran untuk meminimumkan kerugian dan menyelamatkan nyawa dan harta benda; dan

3.14 **D: Disiplin**

- i. **Disiplin:** Disiplin adalah elemen penting yang memastikan segala operasi JBPM berjalan lancar. Dengan disiplin yang tinggi, Pegawai Bomba dapat menjalankan tugas mereka dengan teratur dan berkesan. Disiplin juga memastikan mereka terus berdaya saing untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

4. Sehubungan dengan itu, Ketua Pengarah JBPM telah mengarahkan semua Pegawai Bomba di Bahagian, JBPM Negeri, Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pangkalan Udara, Pejabat-pejabat Zon dan Balai-balai Bomba dan Penyelamat untuk menghayati dan melaksanakan konsep "ABCD" JBPM ini dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan yang berteraskan kepada perkara-perkara seperti berikut:-

- 4.1 Tafsiran konsep "ABCD" ini tidak hanya terbatas kepada huraian seperti di perkara 3 di atas tetapi sebaliknya boleh dikembangkan mengikut kesesuaian dan perkaitannya dengan skop tugas dan tanggungjawab jabatan;
- 4.2 Konsep "ABCD" ini dijadikan sebagai asas dalam tata kelola dan pentadbiran di semua peringkat tanpa mengira pangkat atau tugas pegawai; dan
- 4.3 Konsep "ABCD" ini perlu dibuat hebahan dalam semua platform komunikasi jabatan dalam bentuk ringkasan agar semua pegawai memahami dan menghayatinya seterusnya dapat dijadikan amalan dalam tugas-tugas yang dilaksanakan.


Kerjasama dan komitmen pihak YS Dato'/ Datuk/ Datu/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD)

s.k.:

- i. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Senarai edaran:-

1. Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
2. Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
3. Pengarah Bahagian Latihan
4. Pengarah Bahagian Pembangunan, Kejuruteraan dan Logistik
5. Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
6. Pengarah Bahagian Udara
7. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
8. Pengarah Bahagian Pengurusan
9. Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat
10. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
11. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
12. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur
13. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
14. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
15. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
16. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
17. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
18. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
19. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
20. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
21. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
22. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
23. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis

24. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Labuan
25. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Putrajaya
26. Ketua Unit Integriti
27. Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah
28. Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur
29. Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara
30. Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sabah
31. Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak
32. Komander Pangkalan Udara Wilayah Tengah
33. Komander Pangkalan Udara Wilayah Utara
34. Komander Pangkalan Udara Wilayah Sarawak